



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



CABARAN-CABARAN DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT MALAYSIA



Disediakan untuk kursus :
Nilai Masyarakat Malaysia

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

Edisi Pertama

Cetakan pertama 2024

© Politeknik METrO Betong Sarawak, 2024

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Politeknik METrO Betong Sarawak terlebih dahulu.

PENULIS :

ABG ABDUL MUIZZ BIN ABDUL RAHMAN

ABDUL FATTAH BIN HAMDEN

Diterbitkan oleh :

Politeknik METrO Betong Sarawak 1-12,
Fasa 2 Bandar Baru Jalan Baru Betong,
95700 Betong,
Sarawak.



083-472676



<https://www.pmbes.edu.my/v3/>



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2753-18-6

PRAKATA

Perihal dalam proses pembangunan masyarakat merupakan elemen yang penting dalam pembangunan negara. Penekanan yang komited perlu diteliti terhadap isu pembangunan masyarakat Malaysia kerana terdiri daripada masyarakat majmuk. Namun demikian, pelbagai masalah yang wujud dalam kalangan masyarakat yang menjadi cabaran.

Buku ini akan menghuraikan cabaran-cabaran dalam membentuk masyarakat Malaysia. Antara cabaran yang dibincangkan adalah berkaitan ideologi songsang, pengaruh budaya luar, pendidikan, sains dan teknologi, gejala sosial, jenayah siber dan hedonisme.

Pihak penulis berharap agar buku ini mampu memberi manfaat dalam memahami kursus Nilai Masyarakat Malaysia. Dalam masa yang sama, diharapkan buku ini dapat membantu pensyarah kursus dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sekian, terima kasih.

PENULIS :

*ABG ABDUL MUIZZ BIN ABDUL RAHMAN
ABDUL FATTAH BIN HAMDEN*

ISI KANDUNGAN

1. <i>Prakata</i>	
2. Hasil pembelajaran.....	1
3. Ideologi Songsang.....	2
4. Pengaruh Budaya Luar	8
5. Pendidikan.....	15
6. Sains dan Teknologi.....	22
7. Gejala Sosial.....	28
8. Jenayah Siber.....	34
9. Hedonisme.....	39
10. Cadangan Jawapan.....	44
11. Rujukan.....	52



HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1

Mengenal pasti cabaran-cabaran dalam usaha membangunkan masyarakat.

2

Menjelaskan setiap cabaran dan cara untuk mengatasinya.




TOPIK 1: IDEOLOGI SONGSANG



PENDAHULUAN

Ideologi songsang ialah fahaman seseorang individu atau sekelompok masyarakat tentang perbuatan menjalin hubungan dengan pasangan yang sama atau berlainan jantina. Perhubungan songsang melibatkan hubungan jantina lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan, atau lelaki atau perempuan berhubungan dengan lelaki dan perempuan. Ideologi songsang ini juga dikatakan memberi makna kepada mereka yang mengenal pasti diri mereka sebagai jantina selain dari jantina biologi mereka.





L - Lesbian

Hubungan songsang yang melibatkan perhubungan seksual antara perempuan dengan perempuan.

G - Gay

Hubungan songsang yang melibatkan perhubungan seksual antara lelaki dengan lelaki.

B - Bisexual

Perhubungan bebas yang melibatkan antara lelaki atau perempuan dengan lelaki dan perempuan.

T - Transgender

Individu yang menolak jantina mereka secara biologi dan memilih untuk menampakkan diri mereka sebagai jantina yang berlawanan.



Q - Queer

Individu yang mudah tertarik dengan semua golongan berdasarkan personaliti gender mereka, tarikan emosi dan menjurus kepada hubungan seks sama ada dalam kalangan golongan gay, lesbian, biseksual atau transgender.

I - Intersex

Seseorang individu yang mempunyai kecacatan kelahiran memiliki dua genitalia yang berkeinginan seksual secara bebas.

P - Plus

Indentiti jantina atau orientasi seksual yang selain dari yang telah dinyatakan

FAKTOR PENULARAN IDEOLOGI SONGSANG

Kelemahan Institusi Kekeluargaan



Institusi kekeluargaan merupakan benteng pertahanan utama dalam menghalang segala bentuk fahaman yang tidak baik khususnya ideologi songsang. Ibu bapa seharusnya memainkan peranan mendidik anak-anak mengenali fizikal dan psikologi mereka dan mempamerkan kehidupan yang normal. Namun, cabaran dalam kehidupan menyebabkan kurangnya komunikasi dan didikan dalam keluarga sebagai contoh ibu dan ayah perlu bekerja setiap hari untuk menampung keluarga dan anak-anak tidak diberikan perhatian.

Gaya Hidup Bebas

Kehidupan seseorang yang mengamalkan gaya hidup yang bebas akan lebih mudah untuk terpengaruh dengan ideologi songsang tanpa memikirkan kesan-kesan negatif yang timbul akibat perbuatan ini. Perhubungan sosial tanpa batasan terutamanya dalam kalangan remaja yang baru sahaja mula mengenali perubahan fizikal dan biologi badan akan mudah terpengaruh dengan hasutan-hasutan dengan fahaman songsang.



Pengaruh Media Sosial



Penyebaran gaya hidup hubungan songsang boleh dilihat dalam platform seperti Facebook, X dan Tiktok banyak mempamerkan kehidupan songsang sebagai budaya yang normal. Malangnya individu yang tidak mempunyai didikan dan tapisan media akan menerima hubungan songsang sebagai amalan yang global dan seharusnya diterima oleh masyarakat.

LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN IDEOLOGI SONGSANG

Mempromosi Keluarga
Ideal

Kawalan Media Sosial


Mengamalkan Nilai
Agama

Pengukuhan Undang-
Undang

Mendapat Khidmat
Nasihat Dan Kaunseling

Pengukuhan
Pendidikan Awal
Kanak-Kanak

LATIHAN PENGUKUHAN



1. Individu yang menolak jantina mereka secara biologi dan memilih untuk menampilkan diri mereka sebagai jantina yang berlawanan.
2. Hubungan songsang yang melibatkan perhubungan seksual antara perempuan dengan perempuan.
3. Identiti jantina atau orientasi seksual yang selain dari yang telah dinyatakan
4. Individu yang mudah tertarik dengan semua golongan berdasarkan personaliti gender mereka, tarikan emosi dan menjurus kepada hubungan seks sama ada dalam kalangan golongan gay, lesbian, biseksual atau transgender.
5. Hubungan songsang yang melibatkan perhubungan seksual antara lelaki dengan lelaki.
6. Perhubungan bebas yang melibatkan antara lelaki atau perempuan dengan lelaki dan perempuan.
7. Seseorang individu yang mempunyai kecacatan kelahiran memiliki dua genitalia yang berkeinginan seksual secara bebas.

TOPIK 2: PENGARUH BUDAYA LUAR



PENDAHULUAN

Pengaruh budaya luar ialah budaya luar negatif yang telah menjadi suatu amalan di negara-negara barat yang dianggap normal dan pengaruh ini mula meresap ke dalam negara kita dan sedikit demi sedikit mempengaruhi masyarakat kita. Pengaruh ini bukan sahaja memberikan impak buruk dalam sosial masyarakat malah menjadi permasalahan aspek lain seperti keselamatan, ekonomi dan pendidikan.

Kesan pengaruh budaya luar terhadap masyarakat kita ialah ia menghakis nilai-nilai moral dan adat kebudayaan sekaligus melenyapkan jati diri kita. Antara pengaruh budaya luar ialah kegiatan pelacuran, perjudian, minum arak, ekstrimisme, penagihan dadah dan hedonisme. Kegiatan-kegiatan ini tidak selari dengan identiti masyarakat kita yang mengamalkan nilai-nilai baik seperti berbudi bahasa, saling hormat menghormati, harmoni dalam beragama,

AKTIVITI NEGATIF PENGARUH BUDAYA LUAR



Merokok



Penyalahgunaan Dadah



Minum Arak



LGBTQ



Berjudi



Hedonisme



Pelacuran

FAKTOR PENGARUH BUDAYA LUAR

Media Sosial

Media sosial menjadi salah satu saluran utama yang mempengaruhi masyarakat kita dengan pengaruh budaya yang tidak bermoral. Hal ini memburukkan lagi keadaan apabila peringkat umur yang lebih muda sudah mempunyai media sosial dan tidak dipantau oleh ibu dan bapa mereka.

Rakan Sebaya

Rakan yang baik akan membawa kita kepada jalan yang baik. Namun sebaliknya jika rakan sebaya yang mempunyai perwatakan yang tidak baik dan sentiasa berdamping dengan kita, maka kemungkinan besar kita akan terpengaruh dengan cara hidup mereka.

Kurang Perhatian Keluarga

Tanggungjawab utama sebagai ibu bapa ialah sentiasa memantau pergerakan anak-anak di rumah ataupun di luar rumah. Sekiranya tidak dipantau, anak-anak akan mula terpengaruh dengan gejala tidak baik seperti melepak, merokok, minum arak dan sebagainya. Semakin lama dibiarkan semakin susah untuk diberikan nasihat dan akhirnya akan menjadi sampah masyarakat yang tidak menyumbang apa-apa kepada negara.

Mengejar Trend Semasa

Pengaruh budaya luar pada sudut pandangan golongan muda akan kelihatan seperti ia sebuah kegiatan yang menarik. Bermula dengan sikap ingin tahu dan lama-kelamaan akan berubah kepada ingin mencuba. Apabila ada trend atau gaya hidup yang tidak baik yang baru diperkenalkan, mereka akan berubah pula ke trend yang baru dan akan berubah lagi ke trend yang seterusnya tanpa pengakhiran.



Tidak mempunyai matlamat dan
hala tuju dalam kehidupan

Masalah nasab keturunan
dalam keluarga

Hilang jati diri

KESAN PENGARUH BUDAYA LUAR

Melahirkan masyarakat yang
tiada akhlak dan tidak bermoral

Gejala sosial yang berleluasa
dan tiada langkah
pembendungan



LANGKAH MENGATASI PENGARUH BUDAYA LUAR

Ibu bapa mestilah sentiasa
memantau aktiviti anak-anak




Mengawal penggunaan
media sosial




Menerapkan nilai-nilai
agama dalam kehidupan



LATIHAN PENGUKUHAN



Apakah faktor penularan pengaruh budaya luar?



Jelaskan langkah yang boleh diambil untuk mengatasi pengaruh budaya luar.



TOPIK 3: PENDIDIKAN



PENDAHULUAN


Masyarakat Malaysia, yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India, pelbagai etnik lain, dan yang beragama Islam, Buddha, Hindu, serta Kristian, dijadikan rujukan oleh pihak pemerintah sebelum merangka sesuatu dasar bagi memastikan manfaat dan faedahnya dirasakan oleh semua golongan masyarakat. Melalui pendidikan, nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bekerjasama, serta aspek moral diterapkan kepada masyarakat dengan tujuan untuk melahirkan pewaris negara yang berkualiti, bertanggungjawab, berdaya saing, bijak, dan mempunyai sifat patriotik, yang penting untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat. Sistem persekolahan yang terbaik adalah yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia, di mana ia tidak hanya berakhir apabila seseorang tamat persekolahan atau pengajian di institusi pengajian tinggi, tetapi ia merupakan kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan menyumbang kepada pemartabatan bangsa dan negara.

KEPENTINGAN PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT



Melahirkan Insan Yang Berilmu

Insan yang terbaik ialah insan yang berilmu dan dilengkapi dengan akhlak yang baik.



Menyumbang kepada Pembangunan Negara

Pembangunan negara yang mapan terletak pada masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan dan berusaha untuk membantu kepada pertumbuhan negara



Merapatkan Jurang Sosial dan Ekonomi

Masyarakat yang berdaya saing akan mampu merapatkan jurang sosial dan ekonomi penduduk setempat



Mengukuhkan Penyatuan Masyarakat

Masyarakat yang bersatu padu bermula dengan pengenalan sosial yang baik di alam persekolahan dan seterusnya ke peringkat universiti dan alam pekerjaan.

CABARAN DALAM PENDIDIKAN




Sekolah
Pedalaman Tanpa
Akses Internet



Beban Tugas
Guru Semakin
Banyak



Kekangan
Kewangan Untuk
Melanjutkan
Pelajaran



Pengaruh
Media Sosial
yang Tidak Baik



Ibu Bapa Kurang
Cakna Pendidikan
Anak-Anak

LANGKAH-LANGKAH MENGGALAKKAN PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT

1 Meningkatkan Akses kepada Pendidikan

Pastikan semua kanak-kanak, termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman atau kurang mampu, mempunyai akses kepada pendidikan yang berkualiti. Ini boleh dilakukan dengan menyediakan kemudahan asas seperti sekolah, buku teks, dan alat pembelajaran

2 Latihan dan Pembangunan Guru

Guru yang terlatih dan berkelayakan adalah kunci kepada pendidikan yang berkualiti. Program latihan berterusan dan pembangunan profesional untuk guru boleh membantu meningkatkan kualiti pengajaran

3 Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan

Integrasi teknologi dalam bilik darjah boleh meningkatkan pengalaman pembelajaran. Penggunaan alat digital dan platform pembelajaran dalam talian boleh membantu pelajar mengakses maklumat dengan lebih mudah dan berinteraksi dengan kandungan pembelajaran secara lebih dinamik

LANGKAH-LANGKAH MENGGALAKKAN PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT

4 Pendidikan Berasaskan Nilai

Menekankan pendidikan yang mengandungi nilai-nilai moral dan etika boleh membantu membentuk generasi yang bertanggungjawab dan berdaya saing

5 Kerjasama dengan Komuniti


Melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam proses pendidikan boleh meningkatkan sokongan dan motivasi pelajar. Program seperti mesyuarat ibu bapa-guru dan aktiviti komuniti boleh membantu membina hubungan yang lebih erat antara sekolah dan masyarakat

LATIHAN PENGUKUHAN



Dalam dunia yang semakin kompleks dan berubah, kepentingan pendidikan berkualiti semakin ditekankan.

Pendidikan berkualiti bukan sahaja membentuk individu yang cemerlang, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Huraikan kepentingan pendidikan berkualiti.



TOPIK 4: SAINS & TEKNOLOGI



PENDAHULUAN

Sains dan teknologi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia sejak dahulu lagi. Manusia telah berkembang membina tamadun demi kefahaman dalam bidang sains dan teknologi. Sains dan teknologi adalah pencetus kepada perkembangan masyarakat dan menjadi kayu ukur kepada tahap kemajuan sesebuah negara. Tidak dapat dinafikan penggunaan sains dan teknologi dalam kehidupan sudah menjadi semakin sukar kerana manusia telah bergantung kepada penggunaan teknologi yang semakin canggih. Sebagai contoh yang paling mudah ialah telefon bimbit yang bermula dengan alat komunikasi yang bersaiz besar dan sukar untuk dibawa ke mana-mana sehingga telefon pintar yang digunakan pada hari ini untuk pelbagai tujuan seperti alat komunikasi, alat rakaman video, alat carian mudah alih internet, komunikasi video secara langsung. Namun begitu, perkembangan sains dan teknologi juga harus seiring dengan perkembangan sesebuah masyarakat. Hal ini kerana kebergantungan kepada teknologi tanpa pengetahuan asas yang mantap akan melahirkan generasi yang malas dan kurang inovatif. justeru topik ini akan membincangkan apakah kepentingan sains dan teknologi serta kesan pengabaianya.

KEPENTINGAN SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KEHIDUPAN

Meningkatkan Kualiti Hidup

Inovasi dalam sains dan teknologi telah membawa kepada penemuan perubatan yang meningkatkan kesihatan dan jangka hayat manusia. Contohnya, teknologi perubatan canggih dan terapi gen telah membantu dalam rawatan penyakit yang sebelum ini sukar diubati

Mempermudah Komunikasi

Teknologi komunikasi seperti internet dan media sosial telah mengubah cara kita berinteraksi. Kini, kita boleh berhubung dengan orang di seluruh dunia dengan mudah dan cepat

Transformasi Pendidikan

Sains dan teknologi telah memperkenalkan kaedah pembelajaran baru seperti pembelajaran jarak jauh dan e-pembelajaran. Ini telah memperluas akses kepada pendidikan dan membolehkan pembelajaran sepanjang hayat

Peningkatan Produktiviti

Teknologi telah mempermudah pelbagai aktiviti harian dan pekerjaan. Contohnya, automasi dalam industri telah meningkatkan kecekapan dan produktiviti

Penyelesaian Masalah

Sains membantu kita memahami alam semesta dan fenomena alam, manakala teknologi digunakan untuk mencipta produk dan perkhidmatan yang menyelesaikan masalah harian

CABARAN SAINS DAN TEKNOLOGI



**Kekurangan
Dana dan
Sumber**



Jurang Digital



**Isu Etika dan
Privasi**



**Kepantasan
Perubahan
Teknologi**



**Kekurangan
Kemahiran**



**Cabaran
Globalisasi**

KESAN PENGABAIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI



Kemunduran Ekonomi

Negara yang mengabaikan sains dan teknologi akan ketinggalan dalam pembangunan ekonomi. Mereka akan bergantung kepada negara lain untuk teknologi dan inovasi, yang boleh menyebabkan ketidakstabilan ekonomi



Kelemahan Pertahanan

Tanpa kemajuan dalam sains dan teknologi, negara mungkin tidak dapat mempertahankan diri dengan berkesan daripada ancaman luar. Ini boleh menyebabkan ketidakstabilan politik dan keselamatan



Ketinggalan dalam Pendidikan

Sistem pendidikan yang tidak menekankan sains dan teknologi akan menghasilkan generasi yang kurang berdaya saing di peringkat global. Ini boleh mengurangkan peluang pekerjaan dan inovasi




Kebergantungan kepada Negara Lain

Negara yang mengabaikan sains dan teknologi akan menjadi lebih bergantung kepada negara lain untuk teknologi dan inovasi. Ini boleh mengurangkan kedaulatan dan kebebasan negara tersebut

LATIHAN PENGUKUHAN

Kepentingan sains dan teknologi.





TOPIK 5: GEJALA SOSIAL



PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini, gejala sosial dalam kalangan remaja begitu membimbangkan dan berleluasa. Secara umumnya, gejala sosial ini dikaitkan dengan perlakuan negatif yang dilakukan oleh remaja marcapada in. Malah, gejala sosial yang melibatkan golongan remaja bukan sahaja menimpa remaja kelas bawahan tetapi juga membabitkan kelompok remaja kelas menengah dan atasan.

Hal ini berlaku kerana golongan remaja tidak mempunyai tempat mengadu dan tidak diurus dengan saksama lagi bijaksana. sosial merujuk pada berbagai perilaku atau fenomena yang terjadi dalam masyarakat yang dapat dianggap sebagai respons atau indikator dari masalah-masalah atau ketidakseimbangan dalam struktur sosial, norma-norma, atau nilai-nilai yang berlaku. Gejala sosial sering kali mencerminkan ketegangan, ketidakadilan, atau ketidakstabilan dalam masyarakat.

CONTOH GEJALA SOSIAL



Ponteng sekolah.



Pecah Rumah.



Mencuri.




Vandalisme.



Buli.


PUNCA GEJALA SOSIAL



Keruntuhan Institusi Kekeluargaan: Remaja daripada keluarga yang berpecah belah mengalami kehilangan tempat bergantung dan tempat menumpang kasih sayang. Keadaan seperti ini boleh menjejaskan perkembangan remaja terutamanya dalam pencapaian akademik serta proses pembentukan personaliti.




Pengaruh Rakan Sebaya: Golongan remaja ini mudah terpegaruh dengan ajakan mahupun cabaran daripada rakan sebaya mereka dan pengaruh tingkahlaku negatif lebih mudah terbentuk sekiranya mereka salah memilih rakan.



Media Massa: Pengaruh media-massa yang memaparkan budaya yang berbeza dengan masyarakat tempatan telah menyebabkan pelajar membentuk sistem nilai tersendiri dan nilai-nilai tradisi berasaskan budaya dan agama semakin terhakis kerana desakan luar kawalan daripada media-massa yang turut mempengaruhi sosiobudaya masyarakat.

LANGKAH MENGATASI



MASYARAKAT

Anggota masyarakat perlu menunjukkan contoh yang baik, khususnya kepada golongan muda. Jika terdapat golongan muda yang melakukan gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan pergaulan bebas, masyarakat setempat hendaklah menegur sekap negatif tersebut. Jika didapati gejala sosial masih juga berlaku, aduan kepada pihak berkuasa perlulah dibuat dengan segera.

MEDIA SOSIAL

Media massa seperti televisyen mestilah menayangkan lebih banyak program yang berunsur positif dan memberi pendidikan kepada penonton. Rancangan yang berunsurkan hiburan yang melaikan juga tidak wajar ditayangkan di televisyen.

KERAJAAN

Pihak kerajaan mempunyai sumber kewangan untuk melaksanakan program bagi menangani gejala sosial di kalangan rakyat. Selain itu, pihak kerajaan juga mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi mengatasi gejala sosial. Di samping itu, pihak kerajaan juga boleh mengadakan pelbagai kempen mengatasi gejala sosial di stesen televisyen dan radio milik kerajaan.

IBU BAPA

Ibu bapa boleh memainkan peranan penting. Hal ini kerana banyak masa ibu bapa dilaungkan bersama anak-anak. Oleh itu, ibu bapa mempunyai banyak masa untuk menasihati anak-anak tentang nilai-nilai murni yang perlu diamalkan dan gejala sosial yang perlu di jauhi oleh anak-anak. Ibu bapa juga perlu meluangkan masa membantu anak-anak menyelesaikan masalah yang dihadapi di rumah atau di luar rumah agar anak-anak rasa selamat, disayangi dan dihargai.

LATIHAN PENGUKUHAN

Padankan mengikut jawapan yang betul.

Vandalisme

Perlumbaan bermotor tanpa kebenaran.

Lumba
Haram

Merosakkan atau mengotorkan harta benda awam.

Ugut

Tidak hadir ke sekolah tanpa sebab.

Buli

Meminta wang secara paksaan.

Ponteng

Sukar mengasari orang lemah.



TOPIK 6: JENAYAH SIBER



PENDAHULUAN

Perkembangan pesat dalam dunia digital telah meningkatkan kebergantungan kepada teknologi maklumat dan komunikasi. Ini telah membuka kepada risiko ancaman baharu iaitu jenayah siber. Jenayah siber memberikan suatu masalah baharu kepada masyarakat dan negara dan ianya menimbulkan kebimbangan kerana memberi kesan kepada pembangunan sosial dan ekonomi yang sangat kritikal. Kelemahan penguatkuasaan undang-undang serta tahap kesedaran masyarakat merupakan antara faktor berlakunya peningkatan jenayah siber. Peningkatan jenayah siber kini berada dalam keadaan membimbangkan dan ia dikaitkan dengan kekerapan penggunaan internet yang semakin meningkat dan kebergantungan masyarakat terhadap teknologi sehingga mengakibatkan mereka terdedah kepada ancaman siber.




CONTOH JENAYAH SIBER



**Belian secara
dalam talian**



**Pelaburan
dalam talian**



**Pinjaman
tidak wujud**



**Macau
scam**



**African
scam**



**Business email
compromise**



**Penipuan
SMS**

AMALAN TERBAIK UNTUK ELAK ANCAMAN JENAYAH SIBER

1. Jangan klik pada pautan atau lampiran (imej dan video) di dalam e-emel serta laman media sosial.
2. Pasang perisian anti-virus didalam peranti dan kemaskini secara berkala.
3. Putuskan sambungan kepada Wi-Fi awam setelah selesai digunakan.
4. Perkukuh dan perbaharui kata laluan setiap 3 atau 6 bulan sekali.
5. Guna rangkaian yang selamat apabila melakukan transaksi dalam talian (perbankan atau pembelian internet)
6. Log keluar daripada e-mel, media sosial dan lain-lain: bukan sekadar menutup pelayar web.
7. Putuskan sambungan *Bluetooth* jika tidak digunakan.

LATIHAN PENGUKUHAN

Pilih jawapan yang betul.



Adakah terdapat perbezaan antara gangguan dalam talian dan buli dalam talian?



Apakah itu jenayah siber ?



TOPIK 7: HEDONISME



PENDAHULUAN

Hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menyatakan bahawamemaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam kehidupan manusia di alam ini. Istilah hedonisme ialah cantuman daripada dua perkataan iaitu 'hedone' dan 'isme'. Perkataan pertama iaitu hedonisme merupakan istilah Greek (Yunani) yang bererti kesenangan atau keseronokan. Maksud perkataan kedua iaitu isme dijelaskan dalam Kamus Dewan sebagai akhiran asing kepercayaan, gerakan politik atau keagamaan, sikap, serta perlakuan. Perkataan hedonisme diertikan sebagai suatu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. *Oxford English Dictionary* mendefinisikan hedonisme sebagai satu doktrin atau teori etika yang menyatakan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan. Hedonisme menilai kebaikan hanya berdasarkan kepada keseronokan semata-mata. Nilai moral dianggap mempunyai persamaan dengan nilai kebaikan yang diperoleh dalam budaya hedonisme ini.

IMPLIKASI BUDAYA HEDONISME

1. **Mudah terpengaruh ideologi dan budaya Barat** sehingga pemikiran mereka. Akibat mengejar keseronokan hidup, mereka alpa mengenai kewajiban memelihara akal.
2. **Melahirkan manusia yang keras hati, menolak kebenaran dan sentiasa berada dalam kesesatan.** Kemewahan menjadikan hati manusia menjadi kasar, hilang kepekaan dan merosakkan fitrah manusia.
3. **Menjadikan manusia bersifat sombong.** Sikap tamak dalam mengumpul harta, keinginan untuk hidup mewah, dan bermegah-megah adalah antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu terbabit dengan jenayah rasuah.
4. **Menggalakkan manusia melakukan kejahatan.** Golongan yang terpengaruh dan berpegang teguh dengan materialisme mengajak manusia supaya memberi keutamaan kepada dunia dan menjadikan dunia ini sebagai matlamat dalam kehidupan



CARA-CARA MENGATASI BUDAYA HEDONISME

1. **Pihak kerajaan seharusnya mengawal bentuk-bentuk hiburan** yang boleh melalaikan golongan remaja seperti mengenakan tindakan yang keras kepada penganjur-penganjur program hiburan yang berorientasikan keuntungan sehingga membenarkan amalan penggunaan pil-pil khayal dan seks bebas di premis mereka.
2. **Membina dan melaksanakan Pusat Sehenti** di setiap daerah dalam kalangan remaja di mana boleh menjalankan fungsi menerima aduan, memberikan bimbingan dan sebagai tempat perlindungan kepada mereka.
3. **Mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling** di Universiti dan memberi latihan asas kaunseling kepada pensyarah-pensyarah universiti agar dapat menjalankan sistem mentor mentee dengan lebih berkesan.
4. **Meperbanyakkan program wacana ilmu** dalam membicarakan impak budaya hedonisme di mana terdorong dari fahaman pluralisme dan liberalisme yang semakin menular di Malaysia.
5. **Meningkatkan lagi pemantauan** kepada pelajar agar mereka tidak terdedah dengan amalan dan aliran pemikiran hedonisme


LATIHAN PENGUKUHAN

Jawab semua soalan.

1. Jelaskan punca golongan remaja terlibat dalam budaya hedonisme.

2. Ramalkan kesan sekiranya budaya hedonisme tidak diatasi segera.


3. Berikan dua contoh budaya hedonisme.



CADANGAN JAWAPAN



JAWAPAN TOPIK 1



JAWAPAN TOPIK 2

Apakah faktor penularan pengaruh budaya luar?

1. Media sosial
 - Media sosial sebagai saluran penularan pengaruh budaya luar yang tidak terkawal lebih-lebih lagi penggunaan media sosial oleh peringkat umur yang lebih muda dan tidak di pantau oleh ibu bapa.
2. Rakan sebaya
 - Memilih rakan yang tidak baik boleh mengakibatkan gaya hidup turut terjejas kerana terpengaruh dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah.
3. Kurang perhatian keluarga
 - Antara tugas utama ibu bapa ialah sentiasa memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan gejala tidak sihat yang berpunca daripada pengaruh budaya luar.
4. Mengejar trend semasa
 - Terdapat segelintir masyarakat yang terpengaruh dengan budaya luar dengan hanya semata-mata memilih untuk mengikut trend semasa walaupun kebiasaannya trend yang tidak sihat tidak akan mempunyai kesan yang baik.

Jelaskan langkah yang boleh diambil untuk mengatasi pengaruh budaya luar.


- Ibu bapa mestilah memantau aktiviti anak-anak.
- Mengawal penggunaan sosial media.
- Menerapkan nilai-nilai agama dalam kehidupan.

JAWAPAN TOPIK 3

1. **Menjamin Kepelbagaian Kemahiran dan Bakat.** Pendidikan berkualiti merangkumi pendidikan formal dan juga pendidikan dalam pelbagai bidang seperti seni, sukan, dan teknikal. Ini membolehkan setiap individu mengembangkan kekuatan yang unik.
2. **Meningkatkan Daya Saing Negara dalam Pasaran Global.** Pendidikan berkualiti mempersiapkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan inovatif. Negara yang mempunyai sistem pendidikan berkualiti mampu menghasilkan produk, perkhidmatan, dan teknologi yang lebih cemerlang.
3. **Menyokong Pembangunan Sosial dan Budaya.** Pendidikan berkualiti membentuk individu yang tidak hanya mahir dalam bidang akademik, tetapi juga peka terhadap nilai-nilai sosial dan budaya. Kepentingan pendidikan yang memupuk kebijaksanaan dan kepekaan adalah aspek penting dalam membina masyarakat yang harmoni. Pendidikan berkualiti melibatkan pembelajaran tentang etika, nilai-nilai moral, dan budaya. Ini membentuk individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab dalam masyarakat.
4. **Membina Minda Kritis dan Analitis.** Pendidikan berkualiti membina kemahiran berfikir kritis dan analitis. Kepentingan pendidikan yang melatih minda untuk menilai dan menganalisis adalah penting dalam menghadapi cabaran kompleks dunia moden. Pendidikan berkualiti memupuk kemampuan menyusun idea, menganalisis maklumat, dan membuat keputusan berdasarkan fakta. Ini memberi kelebihan dalam menghadapi dunia yang berubah dengan pantas.
5. **Pembinaan Warganegara Bertanggungjawab.** Pendidikan berkualiti adalah asas dalam membentuk warganegara yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat dan negara. Kepentingan pendidikan yang menggalakkan kesedaran sosial adalah penting dalam membentuk masyarakat yang beretika dan berperikemanusiaan.


JAWAPAN TOPIK 4

Kepentingan sains dan teknologi.



JAWAPAN TOPIK 5

Padankan mengikut jawapan yang betul.



JAWAPAN TOPIK 6

Pilih jawapan yang betul.

1. **Adakah terdapat perbezaan antara gangguan dalam talian dan buli dalam talian?** Buli dalam talian adalah satu bentuk gangguan dalam talian. Sesetengah sumber antarabangsa telah menakrifkan bahawa buli dalam talian sebagai gangguan yang dilakukan oleh kanak-kanak dan disasarkan kepada kanak-kanak. Jadi, umumnya tiada perbezaan kecuali usia pelaku dan mangsa.
2. **Apakah itu jenayah siber ?** Jenayah siber adalah mana-mana aktiviti jenayah yang berlaku di internet. Sebagai contoh, penggodaman, meminta pengguna memberi maklumat sulit seperti kata laluan atau butiran kad kredit dengan menyamar sebagai entiti yang boleh dipercayai (phishing), perjudian haram, menjual bahan haram di dalam talian, pornografi kanak-kanak, membina hubungan emosi untuk mendapatkan kepercayaan si mangsa (yang selalunya di bawah umur) supaya mudah untuk si pelaku mengeksploitasi dan mendera mangsa secara seksual di kemudian hari (sexual grooming), penipuan wang (scamming), menghendap (stalking), ancaman bunuh, dan lain-lain. Jadi, gangguan dalam talian adalah sejenis jenayah siber tetapi tidak semua jenayah siber merupakan gangguan dalam talian.

JAWAPAN TOPIK 7

Jawab semua soalan.

1. Jelaskan punca golongan remaja terlibat dalam budaya hedonisme.

- Pengaruh rakan sebaya.
- Pengaruh Media Massa.
- Wujudnya Pelbagai Pusat Hiburan Dan Pusat Perjudian.
- Keruntuhan Institusi Kekeluargaan.
- Mana-mana jawapan yang bersesuaian.

2. Ramalkan kesan sekiranya budaya hedonisme tidak diatasi segera.

- Pembaziran wang.
- Menyebabkan remaja semakin malas.
- Meningkatkan kadar jenayah.
- Mana-mana jawapan yang bersesuaian.

3. Berikan dua contoh budaya hedonisme.

- Pergaulan yang bebas.
- Boros berbelanja.
- Mana-mana jawapan yang bersesuaian.



RUJUKAN

RUJUKAN

Abdul Karim, M., & Lyndon, N. (2023). Pandangan Dunia Pengguna Perniagaan Dalam Talian Tentang Jenayah Siber. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7).

Bernama. (2022, September 26). Jenayah siber: 12,092 kes, kerugian RM414.8 juta. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/itmetro/2022/09/885795/jenayah-siber-12092-kes-kerugian-rm4148-juta>

Kirin, A., & Warman, A. B. (2023). Impak Penggunaan Aplikasi Tiktok Terhadap Gaya Hidup Pelajar UTHM Pagoh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(2).

Nur S. Mohd., & Ahmad R. (2022). Memahami Jenayah Siber dan Keselamatan Siber di Malaysia: Suatu Pemerhatian Terhadap Pandangan Sarjana dan Interlektual. *Journal of Environment, History and Heritage* 6, no. 1.

Zaini Othman & Wan Shawaluddin (2009). Dunia tanpa sempadan: Teknologi maklumat dan persoalan keselamatan negara. Penerbit UKM.

2024



CABARAN-CABARAN DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT MALAYSIA

e ISBN 978-967-2753-18-6



POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK
(online)